

22 FEBRUARI 2023

MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN DOA SELAMAT AKRAB INSTUN

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) INSTUN telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat pada 22 Februari 2023 (Rabu) bertempat di Bilik AKRAB INSTUN, Blok A.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengimarahkan Bilik AKRAB serta menjadi medan menjalin kemesraan di kalangan ahli AKRAB dan warga INSTUN. Bacaan Yasin dan Tahlil telah dipimpin oleh Pengurus AKRAB INSTUN, Sr Haji Md. Issa bin Abdul Hai serta dibantu Ustaz Mohd Haffiz bin Ahmad untuk bacaan doa selamat.

AKRAB INSTUN mengucapkan ribuan terima kasih kepada 34 orang warga INSTUN yang sudi hadir dan mengimarahkan majlis ini.

TENTATIF MAJLIS

- 2.30 ptg - Ketibaan Ahli AKRAB INSTUN
- 2.45 ptg - Ketibaan Wakil-Wakil Bahagian
- 3.00 ptg - Bacaan Yaasin, Tahlil dan Doa Selamat
- 3.50 ptg - Jamuan Minum Petang
- 4.30 ptg - Bersurai

www.instun.gov.my **Institut Tanah Dan Ukur Negara** **instun_official** **INSTUN** **INSTUN ACADEMY**

#INSTUN25tahun #MelakarKegemilanganMendahuluiCabaran #19982023



